

06 JUN 1997

## TENAGA JALANKAN PROJEK USAHA SAMA KENDERAAN ELEKTRIK DENGAN FIRMA BRITAIN

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 6 Jun (Bernama) -- Tenaga Nasional Bhd mengetuai projek usaha sama Malaysia-Britain untuk membuat kenderaan elektrik yang senyap dan mesra alam sekitar yang memberikan kelesaan bergerak kepada pemain golf dengan menggunakan kenderaan buggy berkuasa elektrik di padang golf.

Perkara itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang terdahulu hari ini memandu uji model kenderaan elektrik empat roda itu dan sebuah motorsikal di lapangan pusat penyelidikan kejuruteraan di Farnborough, kira-kira 32 batu ke barat daya di sini.

Sebuah syarikat yang dipanggil POEM (Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia) telah dibentuk antara Fraser-Nash Research Ltd, syarikat penyelidikan elektronik dan kejuruteraan, dengan empat pelabur Malaysia, iaitu Tenaga Nasional (TNB), Composite Automotive Research (CAR), Musteq Industries, dan pengerusi syarikat kumpulan FIMA, Tan Sri Basir Ismail sebagai pelaburan persendirian.

Buggy-golf berkuasa elektrik pertama atau dipanggil POEM dijangka dikeluarkan daripada kilang pengeluaran sementara di bangunan sewa di kampus Universiti TNB di Bangi menjelang akhir tahun ini.

Selepas memandu uji prototaip F-N berkuasa elektrik buggy pantai dan go-kart serta sebuah motorsikal di halaman Mychett House, Dr Mahathir berkata di persidangan berita bahawa kereta-kereta elektrik itu masih belum bersedia bagi pasaran yang luas tetapi beliau menjangka POEM akan akhirnya memajukan pasarannya sendiri bukan sahaja pasaran di Malaysia.

Pengerusi eksekutif TNB, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali, kini adalah pengerusi POEM yang baru berusia dua bulan, manakala rakannya dari SIRIM, Encik Helme Hashim, yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam pengeluaran automobil sepanjang menjalani kursus latihan selama tiga tahun dengan British Leyland dalam projek kereta Allegro, dilantik sebagai pengurus besar.

Pemegang ekuiti terbesar POEM, yang mempunyai modal berbayar permulaan sebanyak RM10 juta, adalah TNB dan E-N, dengan pegangan masing-masing berjumlah 40 dan 30 peratus.

CAR, syarikat yang dimiliki oleh bekas pengurus besar Proton Datuk Nazmi Salleh dan Musteq Industries setiap satunya memegang lima peratus. Kedua-dua syarikat itu akan terbabit dalam kerja-kerja pengeluaran badan kereta bagi POEM sebaik sahaja ia mula beroperasi.

Basir akan menyertai projek itu secara peribadi tetapi maklumat mengenai pemegangan sahamnya tidak diperolehi. Baki 20 peratus ekuiti itu masih belum diselesaikan.

Pengerusi jurutera F-N, Kamal Siddiqui, berkata projek itu adalah usaha sama pertama bagi syarikatnya untuk menceburi dalam bidang pengeluaran kenderaan elektrik.

Dalam persidangan berita bersama yang berasingan selepas itu, Tajuddin dan Nadzmi berkata sebuah lagi kumpulan yang belum dinamakan akan menyertai POEM sebagai anggota keenam.

Tajuddin berkata pengeluaran pertama POEM - menggunakan tenaga 30-40 pekerja - adalah untuk pasaran khusus di mana kenderaan elektrik sesuai digunakan dalam kawasan bandar.

Mengenai projek motorsikal, beliau berkata "bagi bahagian ini kami mungkin akan mengeluarkannya bagi pasaran besar-besaran dan sasaran adalah

kepada pengguna yang menggunakan motorsikal bagi perjalanan dekat."

Tajuddin berkata beliau melihat masa depan di mana kenderaan elektrik akan digunakan dengan meluas dalam kawasan bandar dan kemudahan mengcaj bateri akan disediakan di kawasan tempat letak kereta pasar raya dan kawasan awam.

Beliau juga berkata kereta bandar POEM - yang kini panggil "solar baby" - dijangka dikeluarkan seawal-awalnya tahun depan.

Kereta itu yang berkelajuan 120km pada 70-80 km/sejam akan dijual pada kadar harga Kancil tetapi dalam jumlah terhad, katanya.

Dengan pengeluaran kereta yang senyap, bebas daripada pencemaran dan mesra alam sekitar, POEM bukan sahaja memperolehi insentif daripada kerajaan tetapi juga daripada agenda program 21 Sidang Kemuncak Bumi, tambahnya. -- BERNAMA

WAH ZK MA